

REMISI PENALTI GAGAL/LEWAT BAYAR DIBAWAH AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014 (ACBP 2014)

Untuk makluman tuan, sekatan perjalanan ke luar negara ke atas semua pemilik perniagaan selaras dengan Seksyen 49 Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan 2014 boleh dikenakan sehingga tunggakan selesai dibayar manakala tindakan mahkamah pula boleh diambil ke atas pihak tuan dalam tempoh 90 hari daripada tarikh tuntutan dikeluarkan.

2. Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa mana-mana syarikat yang membuat pembayaran cukai dan penalti dalam tempoh 1 Mei 2021 sehingga 31 Ogos 2021, kelulusan remisi penalti akan dipertimbangkan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

Kategori 1	Syarikat yang mempunyai tunggakan cukai dan penalti
Syarat	Syarikat perlu membuat bayaran keseluruhan tunggakan cukai dalam tempoh 1 Mei 2021 sehingga 31 Ogos 2021
Kelayakan	Remisi penalti 100%

Kategori 2	Syarikat yang mempunyai tunggakan penalti sahaja
Syarat	Syarikat perlu membuat bayaran 20% penalti dalam tempoh 1 Mei 2021 sehingga 31 Ogos 2021
Kelayakan	Remisi penalti 80%

3. Permohonan boleh dibuat melalui portal TaxPayer Access Point (TAP) di bawah pautan Request for Remission dan pihak syarikat perlu memuatnaik beberapa dokumen seperti berikut:

- 1) Surat permohonan remisi penalti
- 2) Bukti Pembayaran
- 3) Penyata Akaun GST sebelum bayaran dibuat

Adalah diingatkan supaya pihak syarikat untuk menjelaskan tunggakan Cukai Barang dan Perkhidmatan seperti yang di atas untuk melayakkan syarikat bagi permohonan remisi penalti tersebut.